

UM - 6 DEC 1999

3 muka baru
dijangka
dipilih
sebagai
Exco

KANGAR 5 Dis. — Tiga muka baru yang memenangi pilihan raya umum lalu dijangka dipilih sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) pada penggal ini.

Muka-muka baru yang disebut-sebut akan dilantik sebagai anggota Exco ialah Md. Isa Sabu, Zahidi Zainul Abidin dan Azihani Ah.

Bagaimanapun senarai penuh nama anggota Exco akan diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim apabila mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Exco baru itu dilantik bagi menggantikan bekas Exco yang tewas dan tidak dicalonkan semula pada pilihan raya umum lalu.

Bekas Exco yang kalah pada pilihan raya lalu ialah Azib Saad bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Guar Sanji manakala Arof Saad dan Ibrahim Mat Salleh pula tidak dicalonkan semula.

Sementara itu, seorang Exco muka lama yang memenangi pilihan raya lalu dijangka digugurkan dalam rombakan Exco baru itu nanti.

Barisan anggota Exco lama yang masih kekal ialah Datuk Yazid Mat, Ishak Arshad dan Datuk Khor Liang Tee.

Pada penggal lalu sebanyak enam orang Exco telah dilantik termasuk seorang mewakili MCA.

Sementara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri yang dijangka dipilih pada penggal ini ialah di kalangan bukan wakil rakyat.

Calon yang disebut-sebut menjadi Speaker ialah bekas Speaker penggal lalu, Datuk Bahari Taib yang juga tewas pada pilihan raya lalu.